Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Kepemimpinan Dr Mahathir cekap, berani

IMPIANMU HARAPAN KAMI....begitulah bunyi sepanduk-sepanduk yang dibawa rakyat menyambut ketibaan Perdana Menteri di Alor Star baru-baru ini. Begitulah sayangnya rakyat kepada pemimpin mereka, sehinggakan pasukan keselamata terpaksa mengawal kemaraan mereka untuk menjaga keselamatan pemimpin yang mereka agung-agungkan.

ORANG RAMAI dari setiap lapisan masyarakat mesifatkan, kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sepanjang tahun 1983 adalah cekap dan berani.

Dasar-dasar baru Perdana Menteri seperti memandang ke timur, pengswastaan dan persyarikatan Malaysia adalah baik bagi menggalakkan rakyat rajin bekerja dan meningkatkan penyertaan Bumiputera di bidang ekonomi.

Tidak ragu-ragu bahawa Datuk Seri Dr Mahathir boleh dibariskan dengan nama pemimpin-pemimpin terkemuka dunia, kata mereka lagi.

Pemberita-pemberita *Berita Harian* menemui orang ramai dari golongan buruh kasar hingga cerdik pandai untuk menanyakan pendapat mereka mengenai kepemimpinan dan corak pentadbiran Perdana Menteri sepanjang tahun lalu.

Encik Kamarul Saufi, 24 tahun, yang mengikuti kursus sains di Universiti Malaya berkata, Datuk Seri Dr Mahathir adalah seorang pemimpin yang benar-benar berwibawa.

Semua dasar yang dikemukakannya sepanjang tahun 1983 sudah mula menampakkan kejayaan, katanya.

Encik Kamarul menambah: "Mungkin ada antara dasar yang dilaksanakan itu terlalu awal untuk dibuat penilaian seperti pengswastaan, penyerapan nilai-nilai Islam dan konsep pandang ke timur.

CHE KU HASHIM

ENCIK KAMARUL

Oleh NORHAYATI SAID dan NORAINI ISMAIL

"Tetapi yang jelas sekarang semua dasar-dasar yang dilaksanakan itu sudah mula menampakkan kejayaan seperti yang diharapkan," katanya.

Menurutnya, Datuk Seri Dr Mahathir adalah seorang pemimpin yang "tidak banyak cakap tetapi lebih kerja' dan itulah sebabnya segala usaha yang dijalankannya lebih berjaya.

Kempen-kempen yang dijalankan seperti kempen kebersihan, kepemimpinan melalui teladan, dan bersih, cekap, amanah sungguh memberi kesan.

Katanya, bandaraya Kuala Lumpur semakin bersih dan cantik, pentadbiran kerajaan semakin licin, pegawai-pegawainya lebih cekap dan menyebabkan perhubungan rakyat dan kerajaan lebih erat.

Che Ku Hashim Che Ku Mat, 23 tahun, pelajar tahun ketiga tiga kursus perubatan di universiti yang sama pula berkata, sepanjang tahun lalu Datuk Seri Dr Mahathir telah dapat menanamkan semangat gigih di kalangan rakyat.

"Semangat itu penting kerana dengan itu barulah hajat untuk memajukan rakyat negara ini, terutama orang-orang Melayu, akan berjaya," katanya.

Menurutnya, dasar-dasar yang dikemukannya itu masih terlalu awal untuk dinilai tetapi kewibawaannya amat terserlah di kalangan pemimpin-pemimpin dunia.

Cabaran

"Beliau bukan sahaja mengemukakan dan melaksanakan dasar-dasar itu tetapi juga dapat menahan cabaran-cabaran dari golongan yang tidak mahu melihat kejayaannya itu," katanya.

Pelajar tingkatan enam rendah di Yayasan Anda Akademik, Cik Normala Haji Mohd Daud, 19 tahun, menyanjung tinggi kepemimpinan Dr Mahathir sepanjang tahun 1983.

Katanya, beliau adalah pemimpin yang berani dan pembaharuan yang dibuat tidak seharusnya terhenti separuh jalan tetapi patut diteruskan hingga dapat mencapai sepenuhnya apa yang dikehendaki oleh Islam.

Sebagai seorang pelajar, Cik Normala sentiasa mengikuti perkembangan semasa dan terbabit dengan perbincangan sama ada dengan rakan sebaya dan golongan tua.

Menurutnya, masih ramai golongan tua kabur dengan perubahan yang berlaku tetapi sebagai seorang rakyat, mereka sentiasa mengikuti perkembangan seterusnya.

Seorang penlaga, Encik Kamaruddin Shaari, 45 tahun, menganggap Perdana Menteri Mahathir sebagai 'hero negara' kerana banyak kemajuan yang dicapai bukan sahaja untuk faedah rakyat di bandar tetapi juga di luar-luar bandar.

"Mungkin dasar-dasar yang dilaksanakan itu terlalu awal untuk dinilai tetapi kejayaannya sudah mulai nampak," katanya.

"Kempen-kempen yang dijalankannya juga berjaya, sebagai contoh kempen kebersihan," katanya.

ENCIK KAMARUDDIN

ENCIK HASHIM

CIK MAZNAH

Tambahnya, Perdana Menteri bukan sahaja pandai melaksanakan sesuatu usaha atau dasar baru tetapi juga sanggup menerima cabaran-cabaran yang mendatang.

Bagi Maznah Mazdi Anuar yang telah lima tahun berniaga di kawasan Medan Makan Bandaraya pula berkata, ketokohan Datuk Seri Dr Mahathir memang bersesuai dengan kehendak masa.

"Beliau banyak memberi galakan kepada kita supaya lebih maju dalam kehidupan dan dapat bersaing dengan bangsa-bangsa lain," katanya.

Menurutnya penyertaan beliau dalam perniagaan adalah menyahut seruan kerajaan supaya lebih ramai Bumiputera menyertai bidang ini.

"Datuk Seri Dr Mahathir memang seorang pemimpin yang kami nantikan," kata Encik Anthony, 29 tahun, seorang penyelidik di Syarikat Omsearch ketika ditemui di Perhentian Bas Kelang.

Kelicinan

Sebagai rakyat Malaysia, dia menyanjung tinggi sikap dan kewibawaan Dr Mahathir yang dianggap sebagai pemimpin mempunyai fikiran terbuka dan berkeupayaan membawa perubahan kepada negara.

"Saya akan mengikuti perkembangan seterusnya dan berharap Perdana Menteri akan terus meningkatkan prestasinya," tambahnya.

Encik Hashim Osman, seorang konduktor bas, juga setuju dengan pendapat-pendapat orang ramai.

Katanya, paling jelas tentang pentadbiran Datuk Seri Dr Mahathir yang dapat dilihat sepanjang 1983 ialah kelicinan pentadbiran jabatan-jabatan kerajaan seperti di pejabat-pejabat pos.

"Peningkatan perkhidmatan oleh kakitangan kerajaan menunjukkan masyarakat kita sudah diresapi dengan nilai-nilai Timur yang mementingkan adat sopan," katanya.

Seorang suriumah, Puan Amnaliza Ahmad, 27 tahun, tidak ketinggalan mengikuti perkembangan yang berlaku sepanjang tahun 1983.

Katanya, Perdana Menteri adalah pemimpin yang mempunyai idea yang banyak dan sering membuat perubahan.

Beliau berharap, setiap perubahan itu akan menuju ke matlamatnya dan tidak terhenti di tengah jalan.

PUAN AMNALIZA

CIK NORMALA